



Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage:
<https://karyailham.com.my/index.php/jarsbs/index>
ISSN: 2462-1951



Meneroka Pengaruh Keluarga terhadap Keciciran Murid India Golongan B40 di Daerah Shah Alam

Exploring the Influence of Family on School Dropouts among Indian Students from the B40 Group in Shah Alam District

Sopna N Anpazagan^{1,*}, Anuar Ahmad¹, Shahlan Surat¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 4 February 2025

Received in revised form 2 March 2025

Accepted 12 April 2025

Available online 30 April 2025

Kata Kunci:

Keciciran pelajar; golongan India; keluarga B40

ABSTRACT

Isu keciciran pelajar dalam komuniti India, khususnya dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah (B40), perlu diberikan perhatian serius. Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada masalah keciciran pendidikan dalam kalangan pelajar India. Tujuan utama kajian ini adalah untuk meneroka pengaruh keluarga terhadap keciciran pelajar India golongan B40 di daerah Shah Alam serta mengenal pasti faktor penyebab yang paling dominan membawa kepada keciciran murid India dan akhirnya mengemukakan langkah-langkah pencegahan untuk menambah baik amalan semasa dalam menangani serta mengurangkan masalah keciciran dalam kalangan pelajar India. Kajian ini dilaksanakan di beberapa lokasi dalam daerah Shah Alam dengan melibatkan lima orang pelajar India dari keluarga B40 yang tercicir dari sekolah menengah, berusia antara 14 hingga 18 tahun, dan memiliki ciri-ciri serta sifat yang serupa. Kajian ini dilaksanakan secara kualitatif dengan menggabungkan kaedah temu bual, pemerhatian, dan kajian dokumen. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa sebanyak empat faktor telah di kenal pasti iaitu beban kewangan, gaya keibubapaan, konflik dalam keluarga dan tekanan budaya dan sosial. Daripada empat faktor itu, beban kewangan merupakan faktor penyebab yang paling dominan membawa kepada keciciran dikalangan murid India B40 di daerah Shah Alam dan ia dianggap mempunyai hubung kait rapat dengan faktor penyumbang yang lain. Beberapa cadangan pencegahan telah dikemukakan untuk menangani serta mengurangkan masalah keciciran dalam kalangan pelajar India yang disebabkan oleh faktor keluarga.

The issue of school dropouts among Indian students deserves attention, particularly those from low-income households (B40). Various factors contribute to the dropout rates among Indian students. This effort seeks to explore family influences with school dropouts among B40 Indian students in the Shah Alam district, identify the most dominant factor leading to dropouts, and propose preventive measures to improve current practices in addressing and reducing dropout rates. The study was conducted in several locations in Shah Alam, involving five Indian students from B40 families who

* Corresponding author.

E-mail address: mohansopna84@gmail.com

<https://doi.org/10.37934/jarsbs.39.1.1227>

Keywords:

Students' dropout; Indian community;
B40 family

had dropped out of secondary school, aged between 14 to 18 years, and sharing similar characteristics. This qualitative study utilized interviews, observations, and document analysis. The findings identified four key factors: financial burden, parenting style, family conflict, and cultural and social pressure. Among these, financial burden emerged as the most dominant factor contributing to dropouts among B40 Indian students in Shah Alam, closely linked to the other contributing factors. Several preventive recommendations have been put forward to address and reduce dropout problems among Indian students caused by family factors.

1. Pengenalan

Pendidikan merupakan salah satu elemen asas dalam pembangunan manusia dan negara. Ia juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan status dan keupayaan sesebuah keluarga. Namun, isu keciciran murid masih menjadi cabaran utama di Malaysia, terutamanya dalam kalangan pelajar dari golongan berpendapatan rendah (B40). Keciciran murid merujuk kepada situasi di mana pelajar meninggalkan persekolahan sebelum menamatkan pendidikan asas atau menengah. Fenomena ini tidak sahaja menghalang individu daripada mencapai potensi penuh mereka tetapi juga memberi kesan buruk kepada pembangunan sosioekonomi negara secara keseluruhan. Beberapa inisiatif utama telah diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan (KPM) dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan Dokumen Dasar Pendidikan Negara (DDPN) 2021-2030 bagi mengatasi isu ini. Salah satu matlamat utama DDPN 2021-2030 adalah untuk mengurangkan kadar keciciran pelajar kepada paras minimum, iaitu kurang daripada 1 peratus pada tahun 2030.

Pelbagai faktor keluarga menyebabkan taraf hidup masyarakat India masih ketinggalan. Dalam situasi ini, keluarga berpotensi menjadi faktor pelindung terhadap keciciran, tetapi tekanan kewangan dan budaya sering menghalangnya. Keluarga memainkan peranan penting dalam pendidikan murid, terutama dalam kalangan kumpulan berpendapatan rendah seperti B40. Faktor seperti kestabilan kewangan, sokongan emosi, dan pendekatan keibubapaan boleh menjadi pemangkin atau penghalang kejayaan akademik. Tambahan pula, biasanya keluarga yang menyediakan sokongan moral dan motivasi akan membantu murid mencapai kejayaan, tetapi tekanan ekonomi atau konflik keluarga sering memberi kesan kepada kesihatan mental serta prestasi akademik remaja [26]. Dalam banyak keluarga, terutama yang berpendapatan rendah, anak sering dianggap sebagai penyokong utama kewangan. Tanggungjawab ini boleh mengalihkan fokus mereka dari pendidikan ke pekerjaan untuk membantu keluarga [32]. Tekanan budaya juga menyumbang kepada keciciran, dengan harapan bahawa anak-anak harus mengutamakan tanggungjawab keluarga berbanding pendidikan.

Oleh itu, kajian ini masih dianggap penting untuk meneroka sejauh mana faktor keluarga memberi impak dan mempunyai hubungan yang rapat dengan keciciran pelajar India di sekolah menengah. Walaupun daerah Shah Alam merupakan bandar perindustrian yang pesat berkembang, namun masih menghadapi jurang ketidakseimbangan yang melibatkan pelbagai faktor kompleks seperti tekanan ekonomi, norma budaya, dan tahap sokongan keluarga sehingga menjurus kepada isu keciciran murid India dari kalangan B40 yang semakin menjadi perhatian.

2. Permasalahan Kajian

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) baru-baru ini mengeluarkan kenyataan yang menyebutkan bahawa seramai 10,000 orang pelajar tidak hadir pada hari pertama peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2024. Pihak kementerian menyeru agar satu kajian mendalam dilakukan bagi mengenal pasti punca utama ketidakhadiran tersebut. Walaupun data tepat mengenai

peratusan ketidakhadiran pelajar mengikut etnik belum diperoleh, adalah pasti bahawa pelajar India turut menyumbang kepada statistik ketidakhadiran ini. Punca utama ketidakhadiran ini dipercayai berkait rapat dengan faktor-faktor yang menjadi petunjuk kepada keciciran pelajar secara umum. Sekiranya trend ini berterusan dan bilangan pelajar India yang tidak menghadiri peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) terus meningkat, ia akan membawa kesan serius terhadap masa depan mereka. Tanpa kelayakan akademik yang secukupnya, pelajar India mungkin menghadapi cabaran besar untuk memperoleh pekerjaan yang menawarkan pendapatan tinggi, yang seterusnya boleh memperlekehkan lagi jurang sosioekonomi yang sedia ada dalam kalangan komuniti tersebut terutamanya dalam golongan B40. Jadi, untuk memastikan masalah keciciran pelajar India tidak menjadi isu utama negara, maka keseriusan masalah ini perlu diberi perhatian dan ditangani dari akar umbi. Ini kerana kecemerlangan pendidikan dalam kalangan pelajar India amat penting untuk memastikan golongan India mendapat peluang yang sama seperti kaum-kaum lain di Malaysia.

Menurut DOSM *et al.*, (2024), masyarakat India di Malaysia adalah kelompok ketiga terbesar, merangkumi 6.6 peratus daripada jumlah penduduk, selepas masyarakat Melayu dan Cina [7]. Walaupun bilangannya tidak besar, perhatian khusus daripada kerajaan amat diperlukan bagi memastikan peningkatan taraf hidup mereka. Pelbagai program pendidikan telah diperkenalkan oleh kerajaan untuk membantu meningkatkan taraf sosial mereka namun masih terdapat jurang yang ketara dalam prestasi pendidikan, di mana pelajar-pelajar India sering kali ketinggalan dan kadar keciciran mereka lebih tinggi daripada kaum lain [19,35]. Lebih merisaukan, jika masalah ini dibiarkan tanpa pemantauan jangka panjang, ia berpotensi mengakibatkan pelbagai kesan negatif seperti kemerosotan akhlak, keruntuhan moral, penglibatan dalam gangsterisme, serta peningkatan kadar jenayah dalam masyarakat India.

Menurut kajian oleh Yusoff & Don *et al.*, (2016) [38] mereka mendapati bahawa kelemahan dalam institusi keluarga yang tidak stabil sering menyebabkan kurangnya perhatian terhadap pelajar, yang akhirnya menyumbang kepada keciciran dalam pendidikan dan penglibatan dalam gejala sosial serta tingkah laku negatif. Keadaan ini membuatkan mereka mudah terjerumus dalam pelbagai masalah sosial, sehingga menyebabkan tekanan emosi dan mengubah tingkah laku mereka ke arah yang negatif. Menurut laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM) 2019 yang dirujuk dalam penyelidikan Pertubuhan Science and Wellness (SWO), kadar gejala sosial dalam kalangan masyarakat India di Malaysia didapati paling tinggi berbanding kaum lain [35].

Selain itu, masalah keciciran pelajar ini sering berpunca daripada kekurangan sumber kewangan dalam keluarga di mana ibu bapa tidak berupaya memenuhi keperluan asas pendidikan yang mencukupi untuk anak-anak [24]. Merujuk kembali kepada artikel daripada Subra *et al.*, (2019), data statistik dari Jabatan Statistik Malaysia pada tahun 2016 menunjukkan bahawa etnik India mencatatkan peratusan tertinggi dalam golongan B40 iaitu 17.5 peratus melebihi etnik-etnik lain di Malaysia. Selain itu, pada tahun 2017 kadar pengangguran tertinggi juga dicatatkan oleh etnik India iaitu 4.7 peratus, manakala etnik-etnik lain berjaya mengekalkan kadar yang lebih rendah. Walaupun pelbagai kaedah telah digunakan untuk mengurangkan keciciran pelajar India, pengkaji berpendapat bahawa usaha-usaha ini masih belum dianggap berjaya dan berkesan untuk mengatasi fenomena ini. Oleh itu, pengkaji harus meneroka sejauh manakah aspek pengaruh keluarga mempengaruhi keciciran murid India dan mengenal pasti faktor apakah yang menjadi penyebab paling dominan membawa kepada keciciran murid India ini.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka faktor-faktor keluarga yang mempengaruhi keciciran pelajar India golongan B40 di daerah Shah Alam. Berdasarkan hasil tinjauan, kajian ini disusun untuk memenuhi objektif-objektif yang telah ditentukan seperti meneroka faktor pengaruh keluarga terhadap keciciran murid India golongan B40 di daerah Shah Alam, mengenal pasti faktor penyebab yang paling dominan daripada faktor keluarga membawa kepada keciciran murid India

golongan B40 di daerah Shah Alam dan mengemukakan cadangan pencegahan untuk menangani serta mengurangkan masalah keciciran dalam kalangan pelajar India yang disebabkan oleh faktor keluarga. Kajian ini penting kerana faktor keluarga memainkan peranan besar dalam membentuk perkembangan emosi, akademik, dan sosial individu. Masalah seperti kurangnya komunikasi dalam keluarga dan tekanan ekonomi sering memberi kesan negatif kepada kesejahteraan ahli keluarga, terutamanya anak-anak. Kajian ini diharap dapat menjadi rujukan kepada ibu bapa, pendidik, dan pihak berkepentingan untuk memahami betapa pentingnya persekitaran keluarga yang sihat bagi membentuk masyarakat yang lebih stabil dan sejahtera. Kajian terdahulu telah membuktikan bahawa hubungan kekeluargaan yang kukuh boleh meningkatkan kestabilan emosi dan kejayaan anak-anak, tetapi masih banyak aspek yang belum diterokai. Oleh itu, kajian ini dapat mengisi jurang pengetahuan sedia ada dan memberikan cadangan praktikal untuk memperbaiki hubungan keluarga dalam era moden.

3. Kajian Lepas

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa keciciran pelajar di sekolah sering dikaitkan dengan faktor keluarga termasuk status sosioekonomi, tahap pendidikan ibu bapa, jenis pekerjaan, saiz keluarga, akses kepada sumber pendidikan, dan kesihatan keluarga. Status sosioekonomi keluarga memainkan peranan penting dalam menentukan tahap pencapaian akademik pelajar [21]. Perbezaan ini ketara apabila dilihat dari sudut status sosial, lokasi penempatan, dan kumpulan etnik. Kesimpulan kajian mereka menunjukkan bahawa kelas sosial memainkan peranan utama, di mana pelajar daripada golongan berada lebih berpeluang menikmati pendidikan yang lebih baik berbanding pelajar dari golongan berpendapatan rendah. Latar belakang sosioekonomi keluarga yang lemah sering menghalang anak-anak daripada mencapai tahap akademik yang memuaskan [10,16]. Seterusnya, dalam satu kajian oleh Shanmugam *et al.*, (2004) juga telah membuktikan perkara ini [31]. Mereka menegaskan bahawa masalah kewangan sering menjadi halangan bagi ibu bapa atau penjaga untuk menanggung kos pendidikan anak-anak mereka. Keadaan ini memaksa anak-anak bekerja sambil untuk membantu meringankan beban kewangan keluarga. Antara pekerjaan mereka termasuk mencuci kereta, membantu di gerai pasar malam, serta menjadi buruh di kawasan perumahan berhampiran. Pendapatan yang diperoleh melalui pekerjaan ini menarik minat anak-anak untuk tidak meneruskan pendidikan, sehingga menyebabkan kitaran kemiskinan berterusan dalam keluarga mereka.

Selain itu, kos sara hidup yang tinggi dan tekanan untuk membantu keluarga secara ekonomi menjadi faktor dominan yang memaksa murid-murid daripada kumpulan B40 untuk berhenti sekolah [15]. Ramai murid daripada keluarga B40 terpaksa bekerja sambil bagi menyara masalah kewangan keluarga, menyebabkan mereka mengabaikan pendidikan. Hal ini diperkukuh lagi oleh dapatan O. Granada & A. Luzano *et al.*, (2023) yang menyatakan bahawa sokongan kewangan yang tidak mencukupi turut mengehadkan akses murid kepada bahan pembelajaran berkualiti [29]. Dalam konteks komuniti masyarakat India, harapan untuk menyokong keluarga secara ekonomi sering kali diletakkan ke atas murid lelaki, menyebabkan mereka berhenti sekolah lebih awal.

Tambahan pula, gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa memberi impak besar dalam menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif serta mempengaruhi kejayaan akademik anak-anak. Gaya keibubapaan berautoritatif, iaitu pendekatan di mana ibu bapa memberi sokongan emosi, menetapkan harapan tinggi, tetapi juga memberi ruang kepada anak untuk membuat keputusan sendiri, dapat membantu mengurangkan risiko keciciran Pendidikan [1,4,17]. Anak-anak yang dibesarkan dalam persekitaran sedemikian cenderung memiliki keyakinan diri yang lebih tinggi, motivasi intrinsik yang kuat, serta kemahiran pengurusan sendiri yang baik. Semua elemen ini adalah

asas kepada kejayaan akademik. Sebaliknya, apabila ibu bapa kurang memberi perhatian atau menggunakan gaya keibubapaan yang bersifat abaian (neglectful) atau berkuasa mutlak (authoritarian), pelajar sering kali mengalami tekanan emosi yang berlebihan, rendah diri, dan kekurangan motivasi [37]. Hal ini boleh menyebabkan prestasi akademik yang lemah, ketidakhadiran di sekolah, dan pada masa akhirnya, keciciran pendidikan. Ibu bapa yang memberi perhatian dan sokongan secara konsisten kepada anak-anak mereka dapat meningkatkan rasa tanggungjawab terhadap pendidikan mereka, dan ini membantu pelajar merasa lebih bertanggungjawab terhadap hasil pembelajaran mereka sendiri. Selain itu komunikasi yang baik antara ibu bapa dan anak-anak membantu mewujudkan suasana rumah yang kondusif untuk pembelajaran. Dalam situasi ini, pelajar akan merasa didorong untuk mencapai matlamat akademik mereka tanpa rasa tertekan.

Selain itu, Sateesh & Sekher et al., (2014) berpendapat bahawa ibu bapa yang berpendidikan tinggi cenderung memberikan sokongan yang lebih baik ke arah perkembangan akademik anak-anak mereka. Hasil kajian mereka mendapati bahawa pelajar dari keluarga dengan ibu bapa berpendidikan rendah mempunyai risiko keciciran empat kali ganda lebih tinggi berbanding mereka dari keluarga berpendidikan tinggi. Tahap pencapaian pendidikan dalam kalangan masyarakat India di Malaysia berada pada jurang yang lebih rendah berbanding kumpulan etnik lain. Berdasarkan data, hanya 25 peratus anak Bumiputera dan 39 peratus anak Cina berjaya melanjutkan pendidikan ke peringkat tinggi, jika dibandingkan dengan pencapaian dalam kalangan masyarakat India [19]. Menurut laporan statistik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM 2019), 9 peratus golongan muda India berumur 20-24 tahun hanya memiliki pendidikan rendah jauh lebih tinggi berbanding 6 peratus dalam golongan Melayu dan 5 peratus dalam golongan cina. Kajian tersebut turut mendedahkan bahawa 40 peratus pelajar India mengalami keciciran dalam sistem pendidikan akibat pelbagai halangan [39].

Saiz keluarga yang besar sering dikaitkan dengan peningkatan risiko keciciran pendidikan, terutamanya dalam kalangan golongan B40 kelompok pendapatan rendah. Saiz keluarga yang besar boleh menyebabkan tekanan yang lebih tinggi dalam keluarga. Kajian menunjukkan bahawa keluarga dengan bilangan anak yang ramai sering menghadapi cabaran dalam pengurusan sumber seperti kewangan [28]. Selain itu, keluarga besar juga menghadapi kesukaran dalam menyediakan keperluan pendidikan yang mencukupi untuk murid, yang boleh mempengaruhi pencapaian pendidikan mereka. Hal ini menyebabkan peluang untuk menyediakan bahan pembelajaran tambahan seperti buku rujukan atau alat teknologi terjejas. Selain itu, anak-anak dari keluarga besar cenderung untuk juga menunjukkan prestasi yang lebih rendah serta lebih cenderung untuk meninggalkan sekolah lebih awal berbanding dengan anak-anak dari keluarga kecil [8].

Disamping itu, komuniti juga berperanan dalam menyokong atau menghalang murid untuk terus bersekolah. Komuniti yang menyediakan peluang sokongan, seperti pusat tuisyen atau mentor komuniti, mampu membantu murid yang kurang sumber sokongan di rumah. Sebaliknya, ketiadaan sokongan komuniti menyebabkan murid-murid ini lebih mudah terpinggir [13]. Dari segi budaya, norma tradisional juga memberi kesan kepada pengendalian murid. Dalam komuniti tertentu, harapan terhadap anak-anak untuk menyara keluarga mengatasi keperluan pendidikan mereka [23]. Hal ini sejajar dengan kajian oleh Sharma et al., (2024), yang menekankan bahawa dinamik keluarga seperti hierarki dan peranan budaya boleh menjadi penghalang atau pemangkin kepada pendidikan murid [34].

Kajian lain menyoroti bahawa dinamik keluarga tidak hanya mempengaruhi pendidikan tetapi juga kesihatan mental murid. Gana et al., (2023) mendapati bahawa keluarga dengan dinamik yang harmoni cenderung mengurangkan tekanan mental murid, yang seterusnya meningkatkan peluang mereka untuk berjaya dalam Pendidikan [19]. Oleh itu, sokongan keluarga dan sosial yang menyeluruh sangat penting untuk memastikan murid dapat mengekalkan pendidikan mereka.

Pengkaji mendapati bahawa walaupun banyak kajian mengenai keciciran tertumpu kepada kawasan luar bandar atau setinggan di bandar besar, namun masih terdapat jurang penyelidikan yang ketara dalam konteks lokasi lain yang berbeza dari segi demografi dan sosioekonomi. Daerah Shah Alam, sebagai sebuah bandar yang lebih terancang dengan populasi yang berbeza latar belakang ekonomi dan tahap pendidikan, masih belum dikaji aspek keciciran pendidikan dalam kalangan masyarakat India. Kajian mengenai murid B40 di Malaysia telah banyak memberi tumpuan kepada kumpulan rentan seperti masyarakat luar bandar, tetapi kurang fokus diberikan kepada murid B40 India di kawasan bandar seperti Shah Alam. Kajian terdahulu lebih cenderung untuk menilai kumpulan B40 secara umum tanpa mengambil kira cabaran unik yang dihadapi oleh komuniti India B40 di kawasan urban [20]. Faktor sosioekonomi seperti tekanan kewangan, ketidakstabilan pekerjaan, dan kekangan budaya sering kali dipandang secara umum tanpa analisis mendalam terhadap komuniti ini.

Tambahan pula, kebanyakan kajian tidak mengupas secara terperinci kesan interaksi antara sokongan keluarga dan komuniti dalam mengurangkan kadar keciciran murid. Sebagai contoh, kajian mengenai penggunaan "Kootu Fund" oleh wanita B40 India hanya menekankan aspek kewangan tanpa menghubungkannya dengan pendidikan anak-anak [12]. Ini menunjukkan jurang dalam memahami bagaimana faktor ini mempengaruhi kadar pengekalan murid di sekolah. Faktor seperti akses kepada pendidikan berkualiti, pengaruh persekitaran bandar yang lebih stabil, serta peranan institusi sosial di Shah Alam mungkin memberikan gambaran yang berbeza mengenai punca serta kadar keciciran dalam komuniti ini. Oleh itu, pengkaji mendapati kajian yang lebih mendalam di lokasi ini amat diperlukan bagi memahami dinamika sebenar keciciran dalam konteks yang lebih luas dan pelbagai untuk masyarakat India golongan B40.

4. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes untuk menyelami bagaimana faktor keluarga mempengaruhi keciciran pelajar India B40 di daerah Shah Alam. Kajian kes dipilih kerana ia memberi peluang kepada pengkaji untuk mendengar kisah sebenar pelajar yang tercicir, memahami pengalaman mereka dengan lebih mendalam dan dalam konteks kehidupan sebenar. Kajian ini dijalankan di lima lokasi berbeza, dengan setiap peserta ditemu bual dalam suasana yang selesa bagi memastikan mereka dapat berkongsi pengalaman tanpa rasa tertekan. Persampelan bertujuan digunakan bagi memilih lima orang pelajar India dari keluarga B40 yang tercicir dari sekolah menengah, berumur antara 14 hingga 18 tahun, dan mempunyai latar belakang yang hampir sama [25]. Pengkaji memilih lima responden kerana kajian ini lebih menekankan pemahaman mendalam berbanding jumlah yang ramai, sesuai dengan pendekatan kualitatif dan kajian kes. Responden dipilih secara teliti melalui persampelan bertujuan, supaya hanya mereka yang benar-benar mengalami keciciran dapat berkongsi pengalaman mereka, menjadikan data yang diperoleh lebih bermakna dan terperinci. Selain itu, latar belakang mereka yang hampir sama membantu memastikan dapatan kajian lebih fokus, jelas, dan relevan dengan realiti sebenar.

Pemilihan ini dilakukan supaya pengkaji dapat mengenal pasti corak yang jelas dalam faktor-faktor yang menyumbang kepada keciciran. Pemilihan peserta berdasarkan pelbagai latar belakang membantu penyelidik memahami cabaran unik setiap keluarga. Sebagai contoh, variasi dalam gaya keibubapaan, konflik keluarga, dan pengaruh budaya membolehkan kajian ini mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada kadar keciciran dalam pelbagai situasi. Pendekatan ini meningkatkan kebolehpercayaan dan kebolehgunaan dapatan kajian untuk memahami realiti komuniti B40 India [3].

Untuk mendapatkan data yang kaya dan bermakna, pelbagai kaedah digunakan. Temu bual mendalam dan separa berstruktur memberi ruang kepada pelajar untuk bercerita tentang cabaran mereka tanpa batasan, sementara pengkaji boleh bertanya lebih lanjut jika perlu [11]. Dalam Kajian ini kaedah temubual mendalam digunakan untuk mendapatkan pandangan mendalam tentang faktor keluarga yang menyumbang kepada keputusan pendidikan murid. Kaedah ini juga selari dengan saranan LeCompte *et al.*, (1999) yang menegaskan bahawa gabungan temubual, pemerhatian, dan soal selidik merupakan pendekatan penting dalam kajian etnografi untuk memahami konteks sosial dan pengalaman hidup peserta secara lebih holistik. Temubual ini membolehkan peserta berkongsi pengalaman mereka dalam persekitaran yang terbuka dan fleksibel. Menurut Roos *et al.*, (2021), temubual mendalam adalah sesuai untuk kajian pendidikan kerana ia membolehkan penyelidik mengupas makna yang mendasari keputusan murid, termasuk aspek yang sukar dikesan melalui kaedah kuantitatif [30]. Temubual yang bersifat semi-berstruktur juga membolehkan penyelidik menyesuaikan soalan mengikut respons peserta, memastikan data yang diperoleh mencerminkan situasi sebenar mereka. Pendekatan ini memberikan fleksibiliti dan kedalaman, menjadikannya alat yang ideal untuk memahami hubungan kompleks antara pengaruh keluarga dan pendidikan. Pemerhatian langsung dilakukan dengan mengunjungi rumah mereka bagi melihat sendiri keadaan kehidupan dan memahami faktor sosial serta ekonomi yang mungkin mempengaruhi keciciran. Selain itu, analisis dokumen, seperti rekod pendidikan dan laporan sekolah, membantu mengenal pasti pola keciciran yang berulang. Nota lapangan turut direkodkan untuk menangkap butiran penting seperti bahasa tubuh dan suasana persekitaran yang mungkin tidak dinyatakan secara lisan tetapi memberi makna yang mendalam kepada kajian.

Data yang dikumpulkan kemudiannya dianalisis menggunakan analisis tematik, di mana transkrip temu bual diperiksa secara terperinci untuk mengenal pasti tema dan pola utama yang berkaitan dengan keciciran pelajar. Proses analisis melibatkan beberapa langkah utama. Langkah pertama ialah pembiasaan data, di mana temubual ditranskrip dan dibaca berulang kali untuk memahami konteks. Seterusnya, data dikodkan dengan mengenal pasti kata kunci atau frasa penting yang berkaitan dengan dinamik keluarga, tekanan budaya, dan cabaran sosioekonomi. Kod-kod ini kemudiannya dikumpulkan ke dalam tema yang lebih besar untuk memberikan struktur kepada dapatan.


Pendekatan ini memastikan dapatan kajian selari dengan objektif yang ditetapkan, sekaligus memberikan gambaran menyeluruh tentang hubungan antara faktor keluarga dan keciciran pelajar India B40. Analisis tematik juga membolehkan pengkaji menangkap perspektif peserta secara mendalam, yang penting untuk kajian kualitatif dengan fokus kepada faktor keluarga. Dengan cara ini, kajian bukan sekadar mengumpulkan data, tetapi menyelami realiti kehidupan pelajar yang tercicir, memahami cabaran yang mereka hadapi, dan mencadangkan penyelesaian yang lebih praktikal dan berkesan bagi membantu mereka mendapatkan peluang pendidikan yang lebih baik.

5. Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini mendapati bahawa terdapat empat tema utama yang dikenal pasti sebagai faktor yang mempengaruhi keciciran murid dari keluarga India B40 di Shah Alam, iaitu:

- i. Beban kewangan
- ii. Gaya keibubapaan
- iii. Konflik dalam keluarga
- iv. Tekanan budaya sosial

Setiap tema mempunyai kaitan antara satu sama lain dalam menyumbang kepada kadar keciciran pelajar India B40 seperti di Rajah 1.



Rajah 1. Faktor keluarga sebagai penyumbang kepada keciciran murid India B40

5.1 Beban Kewangan

Beban kewangan keluarga merupakan isu utama yang sering dikaitkan dengan keciciran pelajar. Pelajar dari keluarga berpendapatan rendah terpaksa bekerja untuk membantu ekonomi keluarga, mengurangkan masa dan tumpuan mereka terhadap pembelajaran. Menurut peserta kajian:

"Hmmm... saya terpaksa cari duit sebab ayah saya tak kerja, teacher. Dia lumpuh separuh badan, teacher. Selepas ayah jatuh sakit, baru emak mula bekerja sebagai pembantu rumah. Gaji emak pun tak cukup untuk kita makan sebulan. Adik-adik saya yang kecil masih bersekolah, teacher. Rumah sewa kena bayar, bil elektrik kena bayar dan sekarang, kos perubatan ayah pula pun kena tanggung. Saya memang stresslah, teacher. Jadi, saya sebagai anak sulung, terpaksa kerja dan bantu keluarga untuk meringankan beban, teacher." (PK1)

"Sebenarnya teacher, bapa saya tak ada gaji tetap sebab dia pemandu teksi. Duit yang bapa dapat tu tak cukup teacher untuk beli barang keperluan harian. Saya terpaksa berhenti sekolah dan kerja sambil kerana keluarga saya tak mampu untuk menanggung kos pendidikan saya, teacher." (PK3)

Dapatan kajian ini seiring dengan kajian oleh Che Muda *et al.*, (2023) yang menyatakan bahawa keluarga berpendapatan rendah berdepan dengan kesukaran untuk menanggung kos tambahan Pendidikan [5]. Lebih-lebih lagi, murid terpaksa bekerja sambil bagi membantu keluarga menambah sumber pendapatan.

Selain itu, beban kewangan menyebabkan murid terpaksa mengorbankan pengalaman pendidikan mereka. Keluarga berpendapatan rendah memberi kesan langsung kepada mereka untuk memastikan anak-anak mendapat pendidikan yang berkualiti. Menurut peserta kajian:

"Saya memang kena give up study saya teacher sebab saya tak sanggup tengok keadaan rumah saya macam ini. Ayah pun dah meninggal, ibu pula kerja sebagai pencuci pinggan di restoran. Adik-adik saya masih kecil dan perlu perhatian. Bayar yuran sekolah, beli buku dan peralatan

sekolah pun kita tak ada duit, teacher. Saya yang kena tanggung, teacher. Jadi saya berhenti sekolah kerja di bengkel motosikal untuk dapatkan duit." (PK2)

Kajian lepas menyokong dapatan ini bahawa keluarga dengan pendapatan rendah sering tidak mampu menyokong kos tambahan pendidikan seperti yuran, pakaian seragam, atau tambang sekolah [18].

Tambahan pula, prestasi akademik murid sering terjejas akibat beban ekonomi keluarga yang membataskan peluang mereka untuk belajar dengan selesa, kerana ada yang terpaksa membantu keluarga mencari rezeki, sehingga mengurangkan masa mereka untuk mengulang kaji dan fokus dalam pelajaran. Selain itu, tekanan kewangan juga boleh memberi kesan kepada kesihatan mental serta motivasi mereka, yang menyebabkan kurangnya tumpuan dalam pelajaran. Menurut peserta kajian:

"Hmm.. saya study okay je, teacher. Takde masalah. Tapi tu lah..keadaan rumah yang tidak izinkan. Saya terpaksa kerja cari duit. Saya dari kecil takde bapa. Cuma tinggal mak je. Mak 2 tahun lepas sudah berhenti kerja sebab dia mula sakit. Emak banyak berhutang dengan orang sebab tak mampu nak menampung keperluan harian dan nangis setiap hari. Saya memang tidak dapat fokus dalam pelajaran sebab hal ini, teache. Jadi, saya terpaksa berhenti sekolah dan kerja sebagai grab driver." (PK4)

"Keluarga saya besar teacher...ramai orang. Saya ada 7 orang adik beradik. Ayah kerja sebagai pemandu bas sekolah. Gaji ayah memang tak cukup untuk menyara keluarga. Emak saya sering sakit dan memang tak dapat buat kerja-kerja harian dan urusan keluarga. Saya yang terpaksa jaga adik-adik selepas waktu sekolah. Saya memang tidak dapat fokus dalam pelajaran saya di rumah dan di sekolah. Saya sangat tertekan pikirkan pasal hal keluarga saya, adik-adik saya. Saya takde semangat nak belajar. Saya pun berhenti sekolah dan jaga adik-adik dan buat kerja-kerja rumah lah." (PK5)

Keadaan ini sejajar dengan kajian Ferraces Otero *et al.*, (2021) yang menunjukkan bahawa beban ekonomi mengganggu prestasi akademik murid, di samping itu, beban kewangan turut memberi kesan kepada emosi keluarga, sehingga mengurangkan semangat belajar serta menyumbang kepada keciciran [8].

5.2 Gaya Keibubapaan

Ibu bapa yang tidak mempunyai pendidikan tinggi beranggapan bahawa tamat sekolah menengah sudah mencukupi bagi anak-anak mereka untuk mencari pekerjaan. Mereka tidak memberikan dorongan bagi menyambung pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi seperti universiti atau kolej. Menurut peserta kajian:

"Ibu saya tak belajar tinggi. Sampai SRP je... Teacher tau tak, Ibu saya banyak kali suruh datang kerja di kedai makan bersama dia selepas saya balik sekolah. Saya kadang-kadang tak pergi sekolah waktu pagi dan pergi kerja, cari duit lebih, ibu tak kisah pun. Ibu kata cukup kalau saya ada pengetahuan asas dalam hidup, tak perlu belajar tinggi. Kerja akan legakan kesempitan kewangan." (PK2)

"Mak dan bapa saya tiada sijil SPM. Ayah saya tidak kisah kalau saya kerja. Ayah saya kata teacher, budak perempuan tak perlu bazirkan masa di sekolah. lebih baik saya belajar cara uruskan rumah, buat kerja-kerja rumah." (PK5)

Dapatan ini selari dengan kajian oleh Ferraces *et al.*, (2021) menunjukkan bahawa tahap pendidikan ibu bapa memainkan peranan dalam membentuk aspirasi pendidikan anak-anak, kerana ibu bapa yang kurang berpendidikan biasanya menetapkan harapan yang lebih rendah sehingga anak-anak kurang bermotivasi untuk menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi [8].

Selain itu, ibu bapa yang tiada berpendidikan tinggi juga menghadapi kesukaran dalam menyediakan sokongan akademik kepada anak-anak mereka di rumah. Mereka tidak dapat membantu dalam menyelesaikan kerja sekolah atau memberikan bimbingan yang diperlukan untuk memahami subjek-subjek yang lebih sukar. Menurut peserta kajian:

"Mana ada teacher emak tolong dalam kerja sekolah, apa-apa hal tentang kerja sekolah, kalau saya tanya mak, dia akan cakap dia tak taulah, tak pastilah. Mak akan suruh saya pergi sekolah tanya cikgu atau kawan-kawan sekolah." (PK2)

"Dirumah biasanya ibu tidak sanggup untuk ajar saya buat kerja sekolah semasa saya perlukan bantuan. Ibu bapa saya tak pergi sekolah masa kecil, teacher, jadi mereka tak tahu cara nak tolong saya buat kerja sekolah." (PK3)

Dapatan dalam kajian ini mengukuhkan hasil kajian yang dilakukan oleh Donkor *et al.*, (2018) bahawa kekurangan pengetahuan Ibu bapa dengan pendidikan terhad tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi untuk membantu anak-anak mereka dengan kerja sekolah, terutamanya dalam subjek yang lebih kompleks [6]. Manakala keterlibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak memberi impak positif terhadap pencapaian akademik mereka. Ibu bapa yang aktif memberikan sokongan, seperti membimbing kerja sekolah dan menghargai pencapaian anak-anak, mempunyai kesan positif terhadap kejayaan akademik mereka.

Akan tetapi, tekanan keluarga akibat beban kewangan sering mengubah gaya keibubapaan. Salah seorang peserta kajian berkongsi bahawa:

"Ayah selalu rasa tertekan kerja memandu teksi. Duit tak cukup. Dia selalu kerja lebih masa dan ambil trip jauh-jauh sampai kadang-kadang dia tidak dapat balik rumah dan uruskan rumah tangga. Ibu minta saya berhenti sekolah untuk jaga adik-adik dan membantu kerja rumah kerana dia tak mampu jaga seorang, teacher. Ibu cakap belajar lebih tinggi tak akan bantu kita urus hal keluarga." (PK3)

Beban kewangan dan tekanan kerja ibu bapa bukan sekadar mengubah gaya didikan mereka, malah mewujudkan cabaran yang sukar bagi anak-anak, seperti yang dikongsikan oleh peserta kajian tadi. Dalam situasi sebegini, ibu bapa terpaksa memberi keutamaan kepada keperluan asas seperti mencari nafkah, sehingga keperluan pendidikan dan emosi anak-anak sering terabai. Hal ini boleh menyebabkan anak-anak kehilangan motivasi untuk belajar kerana mereka merasa perlu memikul tanggungjawab membantu keluarga. Seperti yang dijelaskan dalam kajian Ho *et al.*, (2022) tekanan kerja yang berlebihan dan masalah kewangan boleh mengganggu hubungan kekeluargaan, seterusnya mengakibatkan suasana tegang yang akhirnya menyukarkan pelajar untuk terus cemerlang dalam pelajaran [14].

5.3 Konflik dalam Keluarga

Dinamik keluarga yang stabil dan penuh kasih sayang menjadi asas penting bagi perkembangan emosi dan kecemerlangan akademik anak-anak. Namun, situasi seperti konflik keluarga, perceraian, atau keganasan rumah tangga boleh mengganggu kestabilan emosi anak-anak yang seterusnya memberi kesan negatif terhadap pencapaian akademik mereka. Konflik dan ketidakstabilan keluarga memberi impak mendalam kepada motivasi dan kehadiran murid di sekolah. Menurut peserta kajian:

"hmm.. dulu emak ayah selalu gaduh dirumah, teacher. Ayah selalu pukul emak sebab ayah kata emak tak pandai uruskan duit untuk keluarga. Setiap malam, saya akan dengar bunyi bergelut mereka di ruang tamu dan saya risau sangat. Saya rasa macam saya susah fokus untuk belajar, teacher... Saya mula rasa tak seronok untuk pergi ke sekolah." (PK5)

Kenyataan ini mencerminkan bagaimana tekanan akibat masalah konflik keluarga mencetuskan perubahan dalam suasana rumah, yang seterusnya mempengaruhi emosi dan kesejahteraan pelajar. Tekanan emosi yang dihadapi akan mengganggu tumpuan pelajar dalam pendidikan dan mempengaruhi kebolehan mereka untuk belajar. Hasil penemuan ini selaras dengan kajian oleh Nuranisa Ikhsani & Putranto *et al.*, (2024), menunjukkan bahawa anak-anak yang mengalami kesulitan emosi akibat masalah keluarga, lebih cenderung untuk berprestasi rendah dalam pendidikan [27].

Ketidakstabilan ekonomi juga menyumbang kepada tekanan tambahan terhadap konflik dalam keluarga. Menurut peserta kajian:

"Ayah saya lumpuh dirumah, teacher, bukan senang nak jaga dia teacher, perlukan duit dan tenaga yang banyak. Emak gaji pun tak banyak, teacher. Emak selalu stress dan muka masam, teacher. Selalu pukul adik-adik kecil dan kerap tunjuk marah kepada saya juga, teacher. Saya tak dapat fikir pasal belajar tengok semua ini, teacher. Saya kena jaga ayah yang sakit dan adik-adik masih kecil." (R1)

Situasi ini menyebabkan pelajar terpaksa mengambil alih tanggungjawab rumah tangga, termasuk menjaga ahli keluarga yang sakit. Kajian menunjukkan bahawa keluarga yang mengalami tekanan ekonomi dan konflik sering mewujudkan persekitaran rumah yang tidak kondusif untuk pembelajaran (Ferraces Otero *et al.*, 2021).

5.4 Tekanan Budaya Sosial

Dalam budaya masyarakat India, anak lelaki sering diberikan peranan besar sebagai penerus tanggungjawab keluarga. Ini berpunca daripada nilai tradisional yang menghormati struktur keluarga dan peranan gender yang jelas. Anak lelaki sering diharapkan untuk menjadi pelindung dan penyumbang utama keluarga, terutama dalam situasi di mana ibu bapa atau ahli keluarga yang lebih tua menghadapi kesulitan kewangan atau kesihatan. Namun, apabila tanggungjawab ini diberikan terlalu awal atau terlalu berat, ia boleh menjadi beban bagi anak lelaki. Mereka terpaksa mengorbankan masa muda dan impian sendiri demi memenuhi keperluan keluarga. Menurut peserta kajian:

"Saya anak sulung, teacher. Ayah sudah meninggal dunia. Ibu ada banyak beban hutang ayah yang kumpulkan. Ibu kata saya sebagai anak lelaki, saya yang patut menanggung beban keluarga ini.

Ibu minta saya untuk berhenti sekolah dan kerja untuk keluarga. Duit yang saya dapat tu, dapat membantu emak bayar hutang ayah." (R2)

Manakala, anak perempuan dalam budaya India pula sering dipengaruhi oleh norma yang mengutamakan persediaan untuk kehidupan domestik dan perkahwinan berbanding pendidikan. Norma sosial ini membatasi peranan wanita yang hanya untuk melahirkan dan membesarkan anak serta mengurus kerja rumah tangga. Menurut peserta kajian:

"Hmmm... saya berhenti sekolah sebab ayah saya selalu bebel supaya saya berhenti, teacher. Dia anggap pelajaran tidak penting untuk saya. Jadi ayah paksa ibu untuk ajarkan saya belajar masak dan jaga hal ehwal rumah. Keluarga saya susah sebab tak cukup duit untuk perbelanjaan harian. Emak kata, saya kena belajar semua ini supaya bila saya kahwin nanti senang." (R5)

Hal ini menyebabkan mereka terpaksa meninggalkan pendidikan, mengurangkan peluang mereka untuk memperoleh kemahiran dan pengetahuan yang lebih tinggi. Kekurangan pendidikan ini boleh menjejaskan sosio ekonomi mereka dan mengekalkan kitaran kemiskinan dalam keluarga. Kajian ini menyokong dapatan daripada Syaza Massia *et al.*, (2023) yang menunjukkan bahawa remaja perempuan dikahwinkan muda kerana kemiskinan keluarga [36]. Manakala, anak perempuan tidak diberi pendidikan tinggi dan dikahwinkan awal [11]. Tambahan pula, wanita tidak harus bersekolah pada tahap yang terlalu tinggi, sementara anak lelaki menjadi tunjang ekonomi keluarga sehingga tidak mampu melanjutkan Pelajaran [8].

6. Perbincangan

Penemuan kajian ini mendedahkan gambaran tentang faktor keluarga yang menyeluruh sebagai penyumbang kepada keciciran murid India dari keluarga B40 di daerah Shah Alam. Sebanyak empat faktor telah dikenal pasti oleh pengkaji, iaitu beban kewangan, gaya keibubapaan, konflik dalam keluarga dan tekanan budaya dan sosial. Selepas perkongsian pengalaman dan cerita dari para peserta kajian, daripada setiap tema yang timbul, pengkaji mendapati bahawa beban kewangan merupakan faktor penyebab yang paling dominan membawa kepada keciciran dikalangan murid India B40 dan ia dianggap mempunyai hubungan kait rapat dengan faktor penyumbang yang lain. Cabaran kewangan ini bukan sahaja menyukarkan keluarga untuk menyediakan keperluan asas pendidikan, tetapi turut memberi kesan kepada gaya keibubapaan dan hubungan keluarga. Pengkaji mendapati bahawa kesulitan kewangan yang berpanjangan mengurangkan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak sehingga menjejaskan prestasi akademik dan meningkatkan risiko keciciran. Selain itu, dalam kalangan masyarakat India B40, tekanan budaya dan sosial seperti harapan anak lelaki untuk menyokong keluarga pada usia muda berkait rapat dengan masalah kewangan. Mereka sering terpaksa bekerja sambil untuk menampung keperluan keluarga, menyebabkan mereka kehilangan masa belajar dan peluang untuk berjaya di sekolah. Manakala, anak perempuan tidak diberi pendidikan tinggi dan dikahwinkan awal. Pengkaji juga mendapati bahawa keluarga dari berpendapatan rendah lebih mudah terdedah kepada konflik dalam keluarga akibat tekanan kewangan yang berpanjangan. Konflik ini bukan sahaja menjejaskan keharmonian rumah tangga tetapi juga memberi impak negatif kepada motivasi dan kesejahteraan emosi murid sehingga berlaku keciciran.

Jika masalah keciciran murid dalam kalangan masyarakat India tidak ditangani dari awal, kesannya akan menjadi lebih parah dan berpanjangan. Morgan Jeevan *et al.*, (2021) menyatakan bahawa salah satu masalah isu sosial yang semakin lama menular melibatkan remaja India di

Malaysia adalah gengsterisme [22]. Misalnya, pada tahun 2017 seramai 43 belia India telah diberkas oleh pihak polis. Tambahan pula, menurut data Polis Diraja Malaysia (PDRM), kaum India, yang mewakili 7.1 peratus populasi negara, menyumbang lebih 70 peratus keahlian dalam kegiatan kongsi gelap. Selain itu, statistik menunjukkan bahawa 70 peratus daripada keseluruhan banduan di Malaysia adalah dari kalangan kaum India. Data PDRM juga mendedahkan bahawa 38 daripada 49 kumpulan kongsi gelap di negara ini terdiri daripada orang India, dengan kebanyakan ahlinya berumur 20 hingga 30 tahun, seperti yang dinyatakan oleh Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang pada tahun 2017 [2]. Selain itu, kadar banduan tertinggi di Malaysia juga terdiri daripada kaum India, sementara kadar penagihan dadah mereka adalah yang kedua tertinggi, dengan kadar penyalahgunaan arak yang tertinggi di negara ini. Jika keadaan ini berlarutan tanpa sebarang langkah pencegahan, masyarakat India akan terus terpinggir dalam aspek sosial dan ekonomi negara. Jurang kekayaan semakin ketara apabila mereka hanya memiliki 1.5 peratus hak komoditi negara, jauh berbeza dengan kaum Cina (38.5 %) dan Melayu (19.4 %).

Segala usaha untuk menghapuskan isu keciciran, ia mesti bermula dari akarnya, iaitu di rumah. Rumah adalah medan utama melawan isu ini. Ibu bapa atau penjaga memainkan peranan utama sebagai model tingkah laku. Nilai disiplin, komitmen, dan tanggungjawab perlu ditanamkan seawal mungkin untuk membina individu yang bertanggungjawab. Komunikasi terbuka dan pendekatan penuh kasih sayang juga penting untuk mengelakkan tekanan yang boleh memburukkan keciciran murid. Sebaliknya, dorongan positif serta bimbingan yang menyeluruh dapat membantu mereka menyedari akibat buruk keciciran, tidak hanya memberi kesan kepada diri sendiri malah turut memberi impak kepada orang lain.

Sokongan kewangan berasaskan keperluan boleh meringankan beban keluarga B40. Biasiswa khas, subsidi untuk pengangkutan, makanan percuma, serta skim simpanan pendidikan bersubsidi perlu diwujudkan bagi menjamin peluang pendidikan yang lebih baik untuk anak-anak daripada keluarga berpendapatan rendah. Bagi meningkatkan kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan anak-anak, pendidikan keibubapaan harus diberi penekanan. Bengkel keibubapaan boleh memberikan panduan tentang teknik keibubapaan positif dan pengurusan kewangan.

Perkhidmatan kaunseling keluarga perlu diperluaskan untuk menangani konflik rumah tangga, manakala program mentor komuniti boleh membantu keluarga mendapatkan sokongan dan nasihat praktikal. Keluarga yang sihat dan harmoni penting untuk perkembangan emosi dan akademik anak-anak. Di sekolah, khidmat kaunseling dapat membantu murid mengurus emosi seperti marah, sedih, atau rasa bersalah akibat masalah keluarga. Program Pendidikan Sosial dan Emosi (SEL) pula mengajar murid cara mengurus perasaan dan membina hubungan positif, serta meningkatkan ketahanan diri mereka.

Selain itu, pendidikan tentang kesamarataan gender perlu dititikberatkan dalam keluarga dan masyarakat. Dengan adanya program kesedaran, masyarakat dapat memahami bahawa hak pendidikan dan impian perlu diberikan sama rata kepada anak lelaki dan perempuan, sekali gus membantu mengurangkan tekanan kepada anak lelaki dan memberi sokongan kepada anak perempuan. Anak lelaki perlu dibantu untuk memahami hak mereka mengejar impian dan kehidupan peribadi. Untuk anak perempuan, meningkatkan akses pendidikan dan galakan dalam bidang profesional dapat mengubah norma masyarakat dan memberi inspirasi melalui contoh wanita berjaya. Nilai dan norma budaya yang mengutamakan peranan tradisional perlu diubah melalui program kesetaraan dan kebebasan mengejar cita-cita. Dialog terbuka antara generasi juga penting untuk mengubah tradisi yang membataskan potensi individu. Pendekatan ini membantu mewujudkan masyarakat yang lebih seimbang dan adil, memberi peluang yang sama kepada setiap anak untuk berkembang.

Pengkaji mengemukakan satu cadangan pelaksanaan iaitu Program Pemangkin Kehadiran Murid (PeKMu), dikenalkan di semua sekolah menengah di bawah penyeliaan KPM sebagai langkah pencegahan khusus untuk pelajar sekolah menengah yang berisiko tercicir. Antara langkah utama dalam PeKMu adalah pemberian penghargaan dan insentif kepada pelajar berisiko tinggi yang berjaya mengekalkan kehadiran secara konsisten. Pengiktirafan ini diberikan dalam bentuk sijil, hadiah fizikal, serta lawatan khas ke tempat bersejarah atau pusat pendidikan luar negara. Inisiatif ini bukan sahaja mengiktiraf usaha mereka tetapi juga memberi inspirasi untuk terus belajar dan mencapai kejayaan dalam akademik.

Selain insentif kepada pelajar, keluarga yang memberi sokongan berterusan juga akan menerima bantuan kewangan, termasuk wang tunai dan keutamaan laluan pintas dalam bantuan KWAMP serta RMT. Langkah ini bertujuan meringankan beban kewangan dan memastikan anak mereka terus hadir ke sekolah. Sebagai penghargaan, keluarga yang menunjukkan komitmen tinggi akan menerima sijil 'Tokoh Keluarga' di pentas KPM, sementara nama pelajar dan keluarga mereka akan dipamerkan di papan khas KPM sebagai tanda pengiktirafan.

Selain itu, lawatan khas bersama keluarga turut dianjurkan bagi memberikan pengalaman berharga serta memperkukuhkan hubungan kekeluargaan, sekali gus memberi motivasi kepada pelajar untuk terus berjaya dalam pendidikan mereka. Dengan perancangan yang teliti dan usaha berterusan, program PeKMu ini berpotensi menjadi pemangkin perubahan besar dalam mengurangkan keciciran pelajar, memastikan mereka bukan sahaja berjaya dalam pendidikan tetapi juga membina masa depan yang lebih cerah dan bermakna. Dengan ini, masalah keciciran pelajar akan dapat dikawal, dan masa depan generasi muda India dapat dipulihkan.

7. Kesimpulan

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa peranan keluarga memainkan peranan penting dalam menentukan kadar keciciran murid India daripada golongan B40 di daerah Shah Alam. Faktor seperti gaya keibubapaan yang kurang memberi sokongan, konflik keluarga yang berpanjangan, serta tekanan budaya sosial telah memberi kesan terhadap motivasi dan keupayaan murid untuk terus bersekolah. Namun, cabaran kewangan dikenal pasti sebagai faktor paling dominan yang menyebabkan murid tercicir. Kesempitan hidup memaksa sebahagian daripada mereka untuk mengutamakan keperluan asas berbanding pendidikan, menjadikan keciciran sebagai satu pilihan yang tidak dapat dielakkan. Bagi menangani isu ini, pelbagai langkah pencegahan perlu diambil secara bersepadu. Bantuan kewangan yang lebih menyeluruh, program sokongan psikososial untuk murid dan ibu bapa, serta inisiatif pendidikan yang lebih fleksibel boleh membantu mengurangkan kadar keciciran. Tambahan pula, kesedaran dalam kalangan keluarga mengenai kepentingan pendidikan perlu dipertingkatkan supaya mereka memahami bahawa ia merupakan aset berharga untuk masa depan untuk anak-anak mereka. Dengan usaha bersama daripada kerajaan, sekolah, dan masyarakat, diharapkan murid India B40 tidak lagi terpinggir daripada sistem pendidikan, seterusnya mampu mewujudkan masa depan yang lebih cerah.

Penghargaan

Penulis dengan penuh kesyukuran ingin menyampaikan penghargaan kepada Bahagian Tajaan Pendidikan KPM dan Universiti Kebangsaan Malaysia kerana memberi sokongan untuk kajian ini. Ribuan terima kasih turut diucapkan kepada semua peserta kajian atas kesudian mereka untuk terlibat dalam kajian ini.

Rujukan

- [1] Asnawi, Abdul Adib, Laila Wati Madlan, and Agnis Sombuling. "Penerimaan gaya keibubapaan dalam kalangan remaja dan kesannya terhadap perkembangan kecerdasan emosi (Acceptance of parenting style among adolescents and its impact on emotional intelligence development)." *Jurnal Psikologi Malaysia* 31, no. 2 (2017).
- [2] Abdullah, Wayandiana, Mohamad Fauzi Sukimi, and Zanisah Man. "Kitaran Kemiskinan dan Gengsterisme dalam Masyarakat India: Kajian di Kawasan Lembah Klang." *e-BANGI Journal* 21, no. 4 (2024). <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2104.50>
- [3] Andrade, Chittaranjan. "The inconvenient truth about convenience and purposive samples." *Indian journal of psychological medicine* 43, no. 1 (2021): 86-88. <https://doi.org/10.1177/0253717620977000>
- [4] Azley, S. 2017. Hubungan antara gaya keibubapaan dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Arau.
- [5] Muda, Nor Adli Che, Ismail Said, and Mohd Fadzil Mohd Salleh Rashidi Hamzah. "KECICIRAN PENDIDIKAN DALAM KALANGAN ANAK-ANAK ASNAF: KAJIAN KES SEKOLAH RENDAH DI NEGERI PERLIS."
- [6] Donkor, Anthony Kudjo. "Parent's Commitment is the Gateway to a Child's Academic Success." *International Journal of Educational Technology and Learning* 2, no. 1 (2018): 25-31. <https://doi.org/10.20448/2003.21.25.31>
- [7] Department of Statistics Malaysia (DoSM). 2024. *Demographic Statistics, First Quarter 2024*. 1–4.
- [8] Otero, María J. Ferraces, Mar Lorenzo Moledo, Agustín Godás Otero, and Miguel A. Santos Rego. "Students' mediator variables in the relationship between family involvement and academic performance: Effects of the styles of involvement." *Psicología Educativa. Revista de los Psicólogos de la Educación* 27, no. 1 (2021): 85-92. <https://doi.org/10.5093/psed2020a19>
- [9] Gana, Marta, Dana Rad, and Camelia Daciana Stoian. "Family functioning, parental attachment and students' academic success." *Journal of Infrastructure, Policy and Development* 8, no. 1 (2023): 2565. <https://doi.org/10.24294/jipd.v8i1.2565>
- [10] Ganesen, Kamoo. "Pengaruh keluarga terhadap pencapaian akademik murid India di Sekolah Menengah Rendah." PhD diss., Jabatan Asas Pendidikan dan Kemanusiaan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 2013..
- [11] Girls Not Brides. 2022. *Girls' Education and Child Marriage*. September, 1–8.
- [12] Saigaran, Nithiya Guna. "Kootu fund as saving scheme of B40 Malaysian Indian women: Insights behind the participation as players and organisers during movement control order." *GEOGRAFIA-Malaysian Journal of Society and Space* 17, no. 3 (2021): 182-193. <https://doi.org/10.17576/geo-2021-1703-13>
- [13] Abdul Majid, S. H. H., E. Y. Leng, and C. B. Ean. "Penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam memperkasakan sekolah." (2017).
- [14] Ho, Laurie Long Kwan, William Ho Cheung Li, Ankie Tan Cheung, Yuanhui Luo, Wei Xia, and Joyce Oi Kwan Chung. "Impact of poverty on parent-child relationships, parental stress, and parenting practices." *Frontiers in Public Health* 10 (2022): 849408. <https://doi.org/10.3389/fpubh.2022.849408>
- [15] Husin, Noraznida. "Status kewangan dan tekanan dalam kalangan pelajar." In *8th International Conference on Management and Muamalah*, pp. 405-415. 2021.
- [16] Kandasamy, K. Gunasekaran M. "Pengaruh keluarga terhadap pencapaian akademik di kalangan pelajar India di bandar Tampin." PhD diss., Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 2003.
- [17] Kassim, Jamaliah, and Abu Seman. "Hubungan Gaya Keibubapaan Dengan Kemahiran Sosial Kanak-Kanak Prasekolah di Daerah Hulu Langat, Selangor." Master's thesis, University of Malaya (Malaysia), 2020.
- [18] Low, K. L., and Lilia Halim. "Pengaruh penglibatan ibu bapa/penjaga dalam pencapaian akademik sains pelajar di sekolah berprestasi tinggi Melaka." In *Seminar Pendidikan Transdisiplin (Sted2017)*, UKM, pp. 674-684. 2016.
- [19] Malaysia Indian Blueprint. 2017. *Malaysia Indian Blueprint*.
- [20] Mayan, S. N. A., and R. M. Nor. "The resistance of the urban poor in Selangor, Malaysia to get out of the shackles of poverty." *International journal of academic research in business and social sciences* 10, no. 9 (2020): 602-11. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v10-i9/7837>
- [21] Nor, Mohd Yusoff Mohd, and Sufean Hussin. *Demokrasi Pendidikan: Dilema Sekolah Kecil & Sekolah Berpusat (Penerbit UM)*. Penerbit Universiti Malaya, 2013.
- [22] Morgan, Jeevan. 2021. *Gengsterisme dalam kalangan belia India: Kajian kes di Pulau Pinang*. Master's thesis, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- [23] Mosier, Miranda. "'We support you... to an extent': Identities, intersections, and family support among first-generation students in a school of social work." *Affilia* 37, no. 2 (2022): 250-265. <https://doi.org/10.1177/08861099211054103>
- [24] Munir, Javeria, Mehreen Faiza, Bakht Jamal, Sana Daud, and Khurshed Iqbal. "The impact of socio-economic status on academic achievement." *Journal of Social Sciences Review* 3, no. 2 (2023): 695-705. <https://doi.org/10.54183/jssr.v3i2.308>

- [25] Muthiah, Puvenesvary, R. Sivabala Naidu, Mastura Badzis, Noor Fadhilah Mat Nayan, Radziah Abdul Rahim, and Noor Hashima Abdul Aziz. *Qualitative Research: Data Collection and Data Analysis Techniques*-(UUM Press). UUM Press, 2020. <https://doi.org/10.32890/9789672363415>
- [26] Ndayambaje, Edmond, Yvette Umwari, and Ayriza Yulia. "The Impact of Family Conflicts on Children Education." *International Journal of Pedagogy and Teacher Education* 4, no. 2 (2020): 105-118. <https://doi.org/10.20961/ijpte.v4i2.43123>
- [27] Nuranisa Ikhsani, D., and A. Putranto. "Tantangan Keluarga Broken Home (Studi Tentang Motivasi Belajar Siswa di SMP Negeri 2 Ngantru Tulungagung)." *Journal on Education* 6, no. 4 (2024): 21644–21655. <https://doi.org/10.31004/joe.v6i4.6313>
- [28] Nye, F. Ivan, John Carlson, and Gerald Garrett. "Family size, interaction, affect and stress." *Journal of Marriage and the Family* (1970): 216-226. <https://doi.org/10.2307/350127>
- [29] Granada, Carmela O., and Rochelle A. Luzano. "Family Support and Academic Performance of Learners." *Family Support and Academic Performance of Learners* 127, no. 1 (2023): 14-14. <https://doi.org/10.47119/IJRP1001271620235042>
- [30] Roos, Helena. "Repeated interviews with students—critical methodological points for research quality." *International Journal of Research & Method in Education* 45, no. 5 (2022): 423-436. <https://doi.org/10.1080/1743727X.2021.1966622>
- [31] Shanmugam, S. Rajanthiran A. "Faktor yang menyebabkan keciciran pelajar India di Kuala Selangor [sic]." PhD diss., Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 2004.
- [32] Rumberger, R. *Why students drop out of high school and what can be done about it*. 2011.
- [33] LeCompte, Margaret Diane, Stephen L. Schensul, and Jean J. Schensul. "Essential ethnographic methods: Observations, interviews, and questionnaires." *Ethnographer's toolkit* 2 (1999).
- [34] Sharma, A. (2024). THE ROLE OF FAMILY STRUCTURE IN CHILD DEVELOPMENT: A SOCIOLOGICAL VIEWPOINTS. *International Journal of Research Publication and Reviews*, 5. www.ijrpr.com
- [35] Subra, T. H., Mohamad Ainuddin Iskandar Lee Abdullah, and Kala Devi. "Family's Socio-Economic Influence on The Dropout of Indian Students: A case study in the District of Kuala Muda Kedah." *International Journal of Modern Trends in Social Sciences* 2, no. 9 (2019): 77-91. <https://doi.org/10.35631/IJMTSS.29007>
- [36] Massia, Nur Syaza, and N. K. Tharshini. "Meneroka Isu Kahwin Muda Dalam Kalangan Remaja Perempuan Di Kampung Beladin, Sarawak." *Asian People Journal (APJ)* 6, no. 2 (2023): 73-90. <https://doi.org/10.37231/apj.2023.6.2.515>
- [37] Yahaya, Azizi. "Hubungan Antara Konsep Kendiri, Motivasi Dan Gaya Keibubapaan Dengan Pencapaian Pelajar." PhD diss., Universiti Teknologi Malaysia, 2005.
- [38] Yusoff, Siti Hajar Mohamad, and Yahya Don. "Kefungsian Keluarga dan ketahanan diri pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan harian." *Proceedings of the ICECRS* 1, no. 1 (2016): v1i1-589. <https://doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.589>
- [39] Zakari, Norfarahzatul Asikin, Mohamad Zuber Abd Majid, and Muhammad Hussin. "Keciciran murid sekolah di Malaysia: Suatu pemerhatian awal." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 7, no. 2 (2022): e001288-e001288. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i2.1288>